



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
30 JULAI 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | | |
|---|-------------------------------------|----|
| - | Perkasa PBT bendung pencemaran air. | 12 |
|---|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
30 JULAI 2019(SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Perkasa PBT bending pencemaran air
Muka Surat	12

Perkasa PBT bendumg pencemaran air

Kuala Lumpur: Peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu diperkisasakan bagi membendung pencemaran pada sumber air mentah dan sungai di seluruh negara daripada berulang.

Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, mendakwa PBT di negara ini kekurangan sumber dan kepakaran biarpun antara agensi yang bertanggungjawab melestarikan alam sekitar.

Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976, PBT mempunyai kuasa ke atas pencemaran sungai dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi hal berkaitan kesihatan.

“Bagaimanapun, malangnya PBT tidak memiliki sumber mencukupi, selain kekurangan tenaga pakar membabitkan isu pencemaran air. Sebab itu aktiviti penguatkuasaan

tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Ibrahim berkata, PBT seharusnya dibekalkan dengan sumber tenaga manusia mencukupi terutama di kawasan yang memiliki kawasan perindustrian.

Katanya, kekurangan tenaga kerja itu menyebabkan rutin penguatkuasaan menjadi longgar sehingga pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melakukan pencemaran.

Sementara itu, aktivis alam sekitar, Amlir Ayat, mengesyorkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menubuhkan pasukan petugas khas yang berupaya melakukan tugas risikan mengesan pelaku pencemaran.

“JAS boleh bekerjasama dengan agensi lain seperti PBT serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam melakukan tugas ri-sikan. Undang-undang sedia ada

juga perlu dipertingkatkan bukan hanya dalam konteks pencemaran, malah impak pencemaran kepada hidupan.

“Penguatkuasaan hanya akan berkesan jika semua pihak melakukau usaha mengikut undang-undang dan tidak melakukan penyelewengan yang akhirnya merugikan masyarakat,” katanya.

BH dalam laporan eksklusifnya kelmarin melaporkan sikap masyarakat menjadikan sungai seolah-olah tempat pelupusan sampah, sisu pertanian dan industri antara punca utama pencemaran sumber air di negara ini.

Pada masa sama, penguatkuasaan undang-undang yang lemah membatitkan pelbagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kebersihan sungai dan alam sekitar menyebabkan perbuatan tidak bertanggungjawab itu terus berlaku.



*PBT seharusnya
dibekalkan sumber
tenaga manusia
mencukupi terutama
di kawasan
perindustrian.*

*Ibrahim Komoo,
Felo Penyelidik Utama,
LESTARI UKM*